

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



MPI komited promosi produk komoditi negara ● MUKA 3

MPOB, MPOA sepakat tangani masalah industri sawit ● MUKA 5



MPOB, Universiti Tsinghua China meterai kerjasama penyelidikan biodiesel

➔ Kerjasama dua institusi dicapai melalui projek rintis berkaitan pengeluaran, penggunaan bio bahan api

Oleh **Insyirah Mohamad Shah, Dr. Harrison Lau Lik Nang dan Yoong Jun Hao**
 insyirah@mpob.gov.my;
 harrison@mpob.gov.my;
 jhyoong@mpob.gov.my

► Beijing

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Tsinghua bagi bio bahan api berasaskan sawit di The Great Hall of the People di sini baru-baru ini.

Universiti Tsinghua adalah sebuah institusi penyelidikan terkemuka China dan termasuk dalam 30 universiti terbaik dunia.

Majlis berkenaan disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir dan Perdana Menteri China, Li Keqiang sempena lawatan rasmi ke China baru-baru ini.

Yang turut hadir Menteri Kabinet, Duta Besar Malaysia dan pegawai Malaysia termasuk Menteri Industri Utama, Teresa Kok; Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Datuk Zurinah Pawanteh; dan Pengerusi MPOB, Tan Sri Mohd



Ahmad Kushairi (kiri) dan Prof Yang Bindi menandatangani memorandum persefahaman berkaitan bio bahan api sawit yang disaksikan Dr Mahathir dan Li Keqiang.

Bakke Salleh.

Dengan pemeteraian MoU tersebut, MPOB dan Universiti Tsinghua akan bekerjasama melalui penyelidikan dalam membangun dan mempromosi bio bahan api berasaskan sawit Malaysia di China.

Projek rintis

Kerjasama dua institusi itu juga akan dicapai melalui projek rintis berkaitan pengeluaran dan pelaksanaan penggunaan bio bahan api berasaskan sawit dalam pelbagai bidang termasuk sistem pengangkutan dan bahan bakar bagi sektor industri di China.

Inisiatif ini akan memperkukuh

perdagangan dan meningkatkan kerjasama dalam bio bahan api berasaskan sawit yang memanfaatkan kedua-dua negara.

Minyak sawit merupakan bahan mentah penting dalam penghasilan bio bahan api, termasuk biodiesel, pelet bahan api dan bahan api pesawat.

Tenaga boleh diperbaharui adalah salah satu fokus utama dalam pelan pembangunan China di bawah Pelan Pembangunan Jangka Sederhana dan Panjang Tenaga Boleh Diperbaharui yang digariskan pada Ogos 2007 menetapkan sasaran pengeluaran 200,000 tan biodiesel menjelang 2010 dan

seterusnya berkembang kepada 2 juta tan pada tahun 2020.

Bio bahan api berasaskan sawit mempunyai potensi sebagai sumber pembaharuan dan tenaga mesra alam dan melengkapkan Dasar Tenaga Hijau China yang menyasarkan 15 peratus bahan api bukan fosil menjelang tahun 2020. Biodiesel merupakan salah satu jenis bahan api boleh diperbaharui yang biasa dihasilkan.

Minyak sawit adalah bahan mentah sesuai digunakan dalam pengeluaran bio bahan api kerana sumber bekalan yang konsisten di samping hijau, mesra alam dan boleh diperbaharui.

Berdasarkan statistik MPOB, eksport biodiesel sawit Malaysia meningkat hampir lapan kali ganda kepada 19.6 ribu tan metrik bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 berbanding dengan 2.5 ribu tan yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 2017.

Harga minyak sayuran di pasaran dunia semasa yang rendah kesan perang perdagangan China-Amerika Syarikat telah merangsang import dan penggunaan biodiesel termasuklah import biodiesel sawit Malaysia oleh China.

Harga biodiesel sawit menjadi lebih berdaya saing dibandingkan dengan diesel berasaskan petroleum.

Lawatan rasmi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke China yang turut disertai Menteri Industri Utama, Teresa Kok bertujuan memperkukuhkan perdagangan dua hala kedua negara termasuk peningkatan eksport produk sawit Malaysia ke China.

Usaha memperkukuhkan perdagangan sektor komoditi di China melibatkan perbincangan dua hala peringkat tertinggi dua negara, pemeteraian kerjasama dan pertemuan dengan pengimport dan pengguna produk komoditi termasuk minyak sawit.

Antara kerjasama yang terjalin antara kedua negara termasuk Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Tsinghua China mengenai penyelidikan dalam membangun dan mempromosi bio bahan api berasaskan sawit Malaysia di China.

Kerjasama dua institusi penyelidikan melalui projek rintis berkaitan pengeluaran dan pelaksanaan penggunaan bio bahan api berasaskan sawit dalam pelbagai bidang termasuk sistem pengangkutan dan sektor industri di China.

Inisiatif yang terjalin akan memperkukuhkan perdagangan dan meningkatkan kerjasama dalam penggunaan bio bahan api berasaskan sawit yang akan memberi manfaat kepada kedua negara.

Negara China merupakan antara negara pengimport utama minyak sawit Malaysia. Pada tahun 2017, eksport produk sawit Malaysia ke China mencatatkan 2.95 juta tan dengan nilai RM3.21 billion. Eksport minyak sawit Malaysia ke negara China bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 mencatatkan sebanyak 1.37 juta tan. Dengan pasaran yang besar dan keperluan kepada pengimportan minyak sayuran, peluang perdagangan minyak sawit termasuk biodiesel sawit di China adalah tinggi.

Dengan sumbangan penting kepada sektor minyak dan lemak global dan kegunaan produk sawit dalam penyediaan makanan, industri sawit sering menjadi tumpuan masyarakat global berkaitan dengan amalan mampan dan jaminan keselamatan makanan. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak-pihak berkepentingan terus berusaha memburukkan imej minyak sawit yang dikaitkan dengan amalan penanaman sawit yang boleh menjejaskan alam sekitar dan hidupan liar bagi menghalang perdagangan minyak sawit khususnya ke pasaran negara Eropah.

Dalam konteks ini, Kementerian dan MPOB mempergiatkan usaha bagi meningkatkan interaksi dengan pelbagai pihak termasuk pengguna minyak sawit bagi meningkatkan kesedaran dan penyampaian maklumat tepat mengenai amalan mampan dan keistimewaan produk sawit yang berkhasiat.

Bagi berkongsi maklumat dengan pihak yang terlibat dengan perdagangan dan penggunaan produk sawit di luar negara, Kementerian Industri Utama (MPI) melalui MPOB dan Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menjalin kerjasama di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme – MTCP) menganjurkan Program Suai Kenal Minyak Sawit (Palm Oil Familiarisation Programme – POFP) yang dianjurkan secara tahunan. POFP telah memasuki tahun ke-38 penganjurannya menyediakan ruang perbincangan kepada penggiat industri minyak dan lemak dari negara pengguna minyak sawit seluruh dunia.

POFP memberi peluang kepada peserta luar negara untuk berinteraksi dengan penggiat industri sawit tempatan dan meninjau operasi industri melalui siri lawatan ke ladang, kilang memproses produk sawit serta pencapaian bidang penyelidikan dalam industri sawit yang dilaksanakan oleh MPOB.

Maklumat yang diperolehi peserta POFP meliputi kepentingan minyak sawit sebagai sumber makanan penduduk dunia, khasiat pemakanan minyak sawit yang kaya dengan pelbagai khasiat seperti fitonutrien, vitamin A dan E. Tanaman sawit adalah paling produktif, pelbagai guna, kos efektif dan diurus secara mampan.

Industri sawit merupakan antara tunjang ekonomi negara membangun seperti Malaysia yang menyediakan sumber ekonomi kepada pekebun kecil dan peluang pekerjaan kepada lebih 4 juta penduduk.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Datuk Dr Ahmad
Kushairi Din

**Ketua Pengarah
MPOB**



Teresa Kok bersama Shamsul Iskandar (dua dari kiri), Zurinah dan Ahmad Kushairi menunjukkan produk pencuci pakaian berasaskan sawit yang mesra alam yang dihasilkan melalui teknologi MPOB.

MPI lancar Amalan Hijau

Go Green sebagai amalan harian, mesra alam Kementerian, agensi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi

Menteri Industri Utama, Teresa Kok melancarkan Kempen Amalan Hijau atau *Go Green* untuk diamalkan oleh Kementerian dan agensi di bawahnya, di sini baru-baru ini.

“Kempen hijau ini amat bertepatan dengan usaha Kementerian Industri Utama (MPI) ke arah menjadikan kita pengeluar produk berasaskan komoditi yang mampan”, katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan MPI sempena Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di Ibu Pejabat MPOB.

Katanya, adalah penting MPI, agensi dan majlis di bawah Kementerian komited dalam membudayakan amalan *Go Green*.

“Amalan *Go Green* dalam persekitaran kerja terutama kecekapan guna tenaga adalah sebagai langkah

penjimatan di semua premis MPI, agensi dan majlis.

Majlis berkenaan yang turut diadakan bagi merayakan Hari Kemerdekaan ke-61 dan pelancaran kibaran Jalur Gemilang peringkat Kementerian.

Aspirasi baharu

“Tahun ini sambutan Hari Kemerdekaan ke-61 penuh bersejarah kerana akan meraikannya di bawah tampuk kepimpinan kerajaan baharu - Kerajaan Pakatan Harapan yang dipimpin oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan baharu ini akan memastikan kegemilangan yang akan dilakar dan dikecapi oleh semua rakyat dari sekarang dan seterusnya pada masa hadapan.



Kempen hijau ini amat bertepatan dengan usaha Kementerian Industri Utama (MPI) ke arah menjadikan kita pengeluar produk berasaskan komoditi yang mampan”

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

“Aspirasi dan semangat baharu ini perlu diterjemahkan, dihayati dan dibuktikan dalam semua aspek demi membantu kerajaan membawa negara ke tahap yang lebih gemilang.

Katanya, menjadi hasrat Perdana Menteri, sokongan dan kesabaran rakyat diperlukan bagi kerajaan mendokong semua agenda dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan kelak.

Dalam pada itu, Teresa juga berkata, negara sedang berdepan dengan kejatuhan dan kemerosotan harga komoditi.

“Cabaran seperti ini menuntut kepada pembaharuan strategi, pendekatan jangka panjang dan komitmen berterusan oleh semua pihak.

“Oleh itu, kita perlu meningkatkan usaha untuk menghasilkan produk komoditi secara mampan, bertaraf unggul dan mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Katanya, pendekatan dan kaedah baharu di peringkat hulu dan hilir perlu dipergiatkan lagi.

“Kementerian dan pihak industri perlu menyusun atur strategi dan menggerakkan program bagi merencanakan aktiviti berkaitan pembangunan industri agri komoditi”, katanya.

Yang turut hadir pada majlis berkenaan Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin, Ketua Setiausaha MPI, Datuk Zurinah Pawanteh, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan Ketua-Ketua Pengarah agensi serta Ketua Pegawai Eksekutif majlis di bawah MPI.

MPI komited promosi produk komoditi negara

➔ Inisiatif penting bagi realisasi perdagangan sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Menteri Perusahaan Utama, Teresa Kok berkata berikutan hasil positif daripada perundingan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa lawatan ke China baru-baru, kementeriannya akan lebih giat mempromosi produk komoditi di negara berkenaan.

Dengan China sebagai antara tiga pengimport utama minyak sawit Malaysia, delegasi Kementerian Industri Utama (MPI) menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara China National Cereals and Oil Foodstuffs Corporation (COFCO) dan Sime Darby

Plantation Berhad yang bakal memudahkan penggunaan minyak sawit Malaysia di negara itu.

“Ini dianggap sebagai inisiatif penting dan tindakan segera diambil oleh pihak berkaitan bagi merealisasikan perdagangan sawit tersebut,” katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Satu lagi inisiatif penting bagi industri sawit adalah pemeteraian persefahaman antara Tsinghua University dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi pembangunan teknologi canggih untuk biofuel sawit. Tsinghua adalah antara 50 universiti terkemuka dunia dengan tumpuan utama dalam kejuruteraan dan sains.

“Pasukan penyelidikan terkemuka di universiti itu sangat positif menjalin kerjasama dengan MPOB akan menjadi faktor utama yang akan menentukan pencapaian China untuk menggunakan biofuel berasaskan sawit sebagai tenaga boleh diperbaharui secara keseluruhan di China,” kata Teresa.

Beliau dan delegasi turut mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Pentadbiran Am Kastam China, Ni Yuefeng.

Pelbagai isu kepentingan bersa-



Teresa Kok mengetuai delegasi Malaysia ketika mengadakan lawatan ke Tsinghua University, China.

ma dibincangkan dan bantuan teknikal untuk memudahkan pengimportan komoditi Malaysia ke China turut ditawarkan.

“Kerjasama antara MPOB dan pihak kastam bagi penerimaan dan pendaftaran minyak sawit yang memenuhi standard kualiti makanan China akan terus dipertingkatkan melalui pelbagai perkongsian dari segi teknikal dan dialog.

Kunjungan ke agensi awam

Teresa turut mengadakan kunjungan pelbagai agensi awam dan syarikat swasta di China. Perbincangan dengan Pengerusi Persatuan Pemakanan Cina, Prof. Dr. Yang Yuexin membuah pelbagai hasil positif berkaitan penyelidikan menggunakan minyak sawit merah dan perbandingan minyak sawit dengan minyak zaitun serta minyak lain.

“Setakat ini penggunaan minyak sawit merah di kalangan pengguna di China menunjukkan hasil pemakanan yang sangat positif dan wajar digunakan sebagai produk yang perlu dipromosikan di seluruh China,” katanya.

Delegasi turut mengunjungi kilang MARS Chocolate yang terletak di pinggir bandar Beijing. Pasukan pengurusan MARS mengulangi komitmen mereka terhadap penggunaan minyak sawit Malaysia yang mampan dalam pelbagai rumusan konfeksi.

Sebagai kesinambungan, delegasi Malaysia memberikan taklimat mengenai komitmen melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Perkembangan mengenai MSPO akan sentiasa dikongsi dengan MARS serta rakan industri China bagi meningkatkan penerimaan terhadap minyak sawit Malaysia.

Teresa turut mengunjungi FGV China Oils Ltd. Co di Guangzhou yang dimiliki dan dikendalikan oleh FGV Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Zakaria Arshad dalam taklimatnya menekankan peranan serta kemudahan yang dimiliki Malaysia bagi memastikan penggunaan minyak sawit di rantau tersebut termasuk rangkaian pengedaran minyak sawit.

Sektor pembuatan makanan dan catering menggunakan minyak sawit Malaysia kerana harga kompetitif dan sesuai untuk pelbagai kegunaan.

Secara keseluruhan, keterlibatan China semasa lawatan rasmi Perdana Menteri dan interaksi, dialog dan perjumpaan yang berterusan semasa misi telah membuah hasil positif dan inisiatif utama yang akan memudahkan eksport minyak sawit

Lebih 1 juta kawasan tanaman sawit miliki sijil MSPO



Teresa Kok melawat pameran MPOB sempena POTS Kuala Lumpur 2018.

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 1.017 juta hektar kawasan tanaman sawit telah mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) setakat Jun 2018 dan semakin berkembang, kata Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

Peningkatan ini sangat ketara berbanding 758,923 hektar yang dicatatkan pada bulan Februari tahun ini.

Katanya, ini bertepatan dengan sasaran kerajaan untuk melaksanakan pensijilan MSPO secara mandatori menjelang akhir tahun 2019.

“Pensijilan MSPO dibangunkan dengan mengambil kira undang-undang dan peraturan domestik, termasuk kriteria kemampuan.

“Skim ini yang dilaksanakan secara sukarela pada tahun 2015, akan dijadikan mandatori pada akhir tahun depan,” katanya ketika berucap merasmikan Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit (POTS) Kuala Lumpur 2018, di sini baru-baru ini.

Menyentuh berkaitan prospek pengeksportan minyak sawit tahun ini, beliau berkata kerajaan tidak menetapkan sebarang sasaran untuk tahun ini.

Teresa berkata, ia adalah terlalu awal untuk menghuraikan perbincangan mengenai eksport minyak sawit dengan China semasa lawatannya ke negara itu baru-baru ini.

Beliau sebelum ini dipetik sebagai berkata bahawa prospek eksport minyak sawit Malaysia pada separuh kedua akan positif kerana kementerian itu menumpukan

perhatian untuk menarik lebih ramai pembeli dari China, kuasa ekonomi kedua terbesar dan pengguna ketiga terbesar minyak sawit Malaysia.

Teresa berkata, misi Kementerian adalah memujuk China bagi meningkatkan penggunaan minyak sawit Malaysia untuk pengilangan produk makanan dan menarik pelaburnya untuk memulakan perniagaan berkaitan minyak sawit.

Tahun lalu China mengimport 1.92 juta tan minyak sawit dari Malaysia, India mengimport 2.03 juta tan dan Kesatuan Eropah membeli 1.99 juta tan.

Secara kumulatif, ketiga-tiga pembeli ini menyumbang hampir 36 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia tahun lalu pada 16.56 juta tan bernilai RM50 bilion.

POFP tarik penyertaan 21 negara pengguna sawit

➔ Malaysia akan terus pertingkatkan pasaran minyak sawit di peringkat antarabangsa

Oleh **Dr Laziana Ahmad, Muhammad Hanif Miskandar dan Nor Asliza Semiran** (laziana@mpob.gov.my), (mhanif@mpob.gov.my), (norasliza@mpob.gov.my)

Putrajaya

Sejumlah 50 peserta daripada 21 negara menyertai Program Suai Kenal Minyak Sawit ke-38 (POFP 2018) yang berlangsung baru-baru ini bagi mempelajari dan melihat dari kaca mata sendiri industri sawit Malaysia.

Perasmian POFP 2018 disempurnakan Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin, di sini.

“Malaysia akan terus mempertingkatkan pasaran minyak sawit di peringkat antarabangsa dan memperkenalkan produk inovatif berasaskan sawit,” katanya yang membacakan ucapan Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

“Kementerian meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan MPOB melalui pejabat khidmat nasihat teknikal di Amerika Syarikat, Belgium, Pakistan, India, Iran, China dan Mesir untuk mempertingkatkan kerjasama dengan pihak kerajaan dan industri di negara berkenaan.

“Malaysia percaya kunci kepada industri minyak sawit yang mampan adalah melalui maklumat data dari penyelidikan yang bermutu tinggi. Kita kini mengetahui bahawa minyak sawit adalah minyak unggul yang memiliki nisbah molekul lemak tak tepu dan lemak tepu yang seimbang menjadikannya minyak terbaik untuk masakan,” katanya.

Minyak sawit Malaysia mewakili 18.9 peratus dalam perdagangan minyak dan lemak dunia iaitu mewakili sebanyak 33.4 peratus pasaran eksport minyak sawit dunia. Jumlah ini diperolehi daripada

penggunaan hanya 2.01 peratus tanah dari jumlah 289 juta hektar tanah di Malaysia pada 2017.

Katanya, minyak sawit berdepan dengan pelbagai cabaran di pasaran global meskipun merupakan antara penyumbang terbesar industri minyak dunia. Antara negara yang prejudis terhadap minyak sawit adalah Perancis, Belgium, Itali dan Turki.

“Malaysia akan mengambil tindakan terhadap sebarang ketidakadilan dan propaganda palsu yang boleh memberi impak negatif ke atas pasaran minyak sawit,” katanya.

“Pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bukan sahaja memperkasa industri minyak sawit Malaysia malah dapat penjenamaan sawit di pasaran minyak dan lemak antarabangsa,” tambah beliau.

Pelaksanaan skim pensijilan MSPO

Pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) menandakan komitmen jitu kerajaan terhadap pengeluaran minyak sawit mampan. Skim MSPO ini diiktiraf dunia dan akan digunakan sebagai standard perolehan minyak sawit mampan pada Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020.

POFP kali ini disertai peserta yang terlibat dalam industri minyak sawit dari 21 negara termasuk 17 peserta yang ditaja oleh Malaysian Technical Cooperation



Shamsul Iskandar merasmikan POFP 2018 di Putrajaya.

Program (MTCP), Kementerian Luar Negeri Malaysia.

Sementara itu, Pengerusi MPOB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh berkata, POFP selaras dengan namanya, membawa misi untuk memperkenalkan dan mendedahkan para peserta kepada industri minyak sawit di Malaysia secara menyeluruh.

“Ini termasuk pembangunan terkini dalam aktiviti penyelidikan di semua bidang hiliran mahupun hulu berkaitan sawit.

“Semua peserta dapat mengambil peluang yang ada untuk menambah pengetahuan tentang minyak sawit dan pelbagai produk yang boleh dihasilkan darinya dan seterusnya berperanan sebagai duta minyak sawit dalam organisasi dan negara masing-masing”, katanya.

Turut hadir semasa upacara perasmian POFP 2018 adalah Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Ravi Mutayyah.

POFP melibatkan pelbagai aktiviti seperti ceramah, lawatan lapangan dan interaksi bersama pemain industri sawit Malaysia berjaya membuka mata peserta

disamping memberi peluang melihat secara langsung amalan mampan industri sawit yang dilaksanakan di Malaysia.

Semasa lawatan ke ladang sawit milik Sime Darby Plantation Berhad di Pulau Carey, Selangor, peserta diberi pendedahan mengenai proses tumbesaran pokok sawit, penggunaan kumbang pendebungaan dan penuaian buah sawit.

Peserta turut didedahkan mengenai Amalan Pertanian Baik (GAP) serta Sistem Pengurusan Kawalan Perosak Bersepadu yang dipraktikkan seperti penggunaan burung hantu untuk mengawal tikus secara biologi dan tanaman bermanfaat untuk mengawal populasi serangga perosak.

Peserta turut kagum dengan kemampuan pokok sawit berbanding tanaman bijirin minyak lain dari segi pengeluaran yang lebih produktif.

Peserta POFP turut mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat MPOB sebagai salah satu usaha untuk mengetengahkan program penyelidikan yang dijalankan oleh MPOB dalam memperkasakan industri sawit Malaysia.

Peserta diberi pendedahan me-

ngenai fasilititi penyelidikan di MPOB seperti loji rintis marjerin bagi melihat proses pembuatan marjerin menggunakan minyak sawit, kebaikan pemakanan marjerin berasaskan sawit kerana ia tidak mengandungi asid lemak trans.

Lawatan yang diadakan sempena POFP 2018 berkeson dalam memperkenalkan minyak sawit Malaysia dengan lebih dekat kepada peserta luar dan dalam negara.

Peserta juga berpeluang berinteraksi dengan penggiat industri sawit Malaysia sebagai usaha MPOB menjalankan aktiviti pemarkahan perniagaan.

Sejumlah 75 pemain industri sawit Malaysia telah hadir ke sesi interaksi ini termasuk wakil FGV Holdings Berhad, Sime Darby Plantation Berhad, Mewah Group dan syarikat kecil dan sederhana (SMEs).

Sesi interaksi bersama Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Penapis Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM), Teoh Beng Chuan yang membentangkan topik berkaitan aspek perdagangan minyak sawit, spesifikasi minyak sawit oleh PORAM memberi maklumat sangat berguna kepada pengimport minyak sawit Malaysia.

Pembentangan kertas kerja oleh wakil peserta daripada Turki, Kazakhstan, India, Amerika Syarikat dan Angola diadakan bagi menerangkan lebih terperinci mengenai situasi minyak dan lemak serta peluang-peluang perniagaan di negara terbabit.

“Kami banyak mempelajari secara terperinci dan memahami struktur dan amalan pemain industri sawit Malaysia. Sebagai pengimport minyak sawit Malaysia, kami yakin bahawa produk sawit Malaysia selamat untuk pemakanan kerana ditangani dengan cukup baik sebelum sampai kepada para pengguna”, kata Nabeel Javed peserta daripada Pakistan.

Secara keseluruhannya, POFP 2018 banyak memberi manfaat dari pelbagai sudut berkaitan dengan industri sawit Malaysia.



Peserta POFP 2018 menyaksikan demonstrasi penuaian sawit.

IMPAC canang latihan, kerjaya sektor komoditi

➔ Program Sayangi Komoditi pendedahan awal galak belia ceburi latihan, kerjaya

Oleh Mohd Solah Deraman, Nur Dalilah Termizi
solah@mpob.gov.my; dalilah@mpob.gov.my

► Rompin

Kementerian Industri Utama melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) menganjurkan program Sayangi Komoditi sebagai medan pendedahan awal bagi menggalakkan belia menceburi latihan dan kerjaya sebagai pilihan pada masa depan.

Program dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian

Pendidikan bertujuan menghebahkan latihan dan keperluan guna tenaga dengan tumpuan pelajar sekolah menengah yang berminat mengikuti latihan kemahiran di sektor perladangan dan komoditi negara.

Program julung kali diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Selancar, dirasmikan Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin, di sini baru-baru ini.

“Sektor komoditi adalah salah satu penyumbang terbesar kepada jumlah eksport bersih negara”, katanya yang membacakan ucapan Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

Katanya, pada 2017, eksport produk berasaskan komoditi berjumlah RM140.3 bilion atau 15 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara yang mana 55 peratus daripada jumlah ini iaitu RM77.8 bilion disumbangkan oleh sektor sawit.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, sektor komoditi mencatatkan nilai eksport RM63.8 bilion, iaitu penurunan sebanyak 19 peratus berbanding RM70 bilion bagi tempoh sama tahun lalu.



Shamsul Iskandar bersama pelajar dan belia yang menyertai program Sayangi Komoditi di Rompin, Pahang, baru-baru ini.

“Perkara ini dipengaruhi oleh beberapa faktor yang antaranya adalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor komoditi.

Beliau menyambut baik program yang dijalankan yang akan membantu kerajaan dalam usaha memberi tumpuan terhadap pembangunan dan memperkasakan pembangunan modal insan bermula peringkat sekolah bagi menggalakkan penyertaan pelajar lepasan sekolah mengikuti latihan dan seterusnya berkhidmat di sektor perladangan dan komoditi.

Katanya, keperluan tenaga kerja tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran amat diperlukan di sektor perladangan bagi meningkatkan produktiviti dan meneruskan kelangsungan prestasi pendapatan eksport komoditi negara.

Program sehari itu turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengurusan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, yang mewakili Pengerusi IMPAC;

Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara, Samsudin Noor; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Dr. Mohd Rashid Buyong Hamzah, dan wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, Mohamad Hamid.

Sebanyak tujuh sekolah dalam daerah Rompin menyertai program ini iaitu SMK Perwira Jaya, SMK Chanis, SMK Perantau Damai, SMK Keratong, SMK Bandar Tun Razak dan SMK Muadzam Jaya dan pelajar pra-diploma Politeknik Muadzam Shah, Rompin, Pahang.

Seramai 700 peserta terdiri pelajar sekolah, belia dan masyarakat tempatan yang hadir bagi mendapatkan input berkaitan latihan dan kerjaya.

Program turut melibatkan pameran yang disertai enam agensi bawah Kementerian Industri Utama dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

“Saya mencadangkan program

ini dijadikan aktiviti tahunan IMPAC sebagai agensi latihan kementerian dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai industri komoditi kepada generasi muda negara”, katanya.

Beliau turut menggesa belia tempatan merebut peluang dan menyertai kursus yang dianjurkan IMPAC untuk mendapatkan latihan dalam bidang kemahiran tertentu yang ditawarkan.

“Pelbagai peluang disediakan dalam membantu belia melalui skim yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengiktiraf pekerja mahir dan separa mahir.

Katanya, melalui peluang yang ditawarkan, belia dapat memanfaatkan pengalaman dan kemahiran untuk peningkatan kerjaya dan secara tidak langsung membuka peluang masa depan lebih baik.

Program Sayangi Komoditi diadakan secara bersiri di tiga zon iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

MPOB, MPOA sepakat tangani masalah industri sawit

Oleh Shamala Sundram
shamala@mpob.gov.my

Bangi: Forum Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) berlangsung baru-baru ini di Ibu Pejabat MPOB, dihadiri 20 ahli MPOA terdiri penggiat industri sawit seluruh negara dan pegawai penyelidik MPOB.

Forum tahunan kali ketujuh yang dianjurkan sejak 2011 adalah pentas interaksi membolehkan MPOB dan MPOA bagi membincang penyelesaian isu penyelidikan yang memerlukan tindakan kedua-dua pihak.

Forum berkenaan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif MPOA, Datuk Mohamed Nageeb Abdul Wahab dan Jeremy Goon, wakil Kementerian Industri Utama (MPI), Jabatan Pertanian (DOA) dan Jabatan Alam Sekitar (DOE).

Forum teknikal bertujuan me-



Antara ahli MPOA yang hadir forum teknikal MPOB-MPOA di Bangi.

tingkatkan hubungan dua hala yang berterusan antara MPOB dan MPOA, disamping perkongsian maklumat dan pandangan mengenai industri sawit negara.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din ketika menyampaikan ucapan aluan berkata, interaksi seumpama itu membolehkan MPOB membuat tinda-

kan susulan dengan efektif serta melaporkan perkembangan terkini kepada pihak industri.

Tujuh isu baharu diketengahkan oleh MPOA iaitu toleransi sifar buah sawit muda, kesuburan tanah, pelan bio sekuriti, regulasi udara bersih, 3MCPD dan GE, pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan mekanisasi.

Pelaksanaan pensijilan MSPO

Pelaksanaan pensijilan MSPO melibatkan perbincangan serius pada forum kali ini kerana akan dilaksanakan secara mandatori pada 2020.

MSPO mempunyai peluang yang baik untuk memperkukuhkan status dan kredibiliti minyak sawit di dalam dan luar negara bagi mendapatkan pengiktirafan pihak luar.

Pelaksanaan pensijilan MSPO perlu dipergiatkan untuk diterima pakai oleh industri sawit negara. MSPO berkemampuan untuk dilaksanakan pada peringkat kerajaan dengan kerajaan negara luar, contohnya China bagi membolehkan penerimaan MSPO.

MPOB memaklumkan kejayaan skim pensijilan MSPO bagi perolehan minyak sawit olmpian bagi penganjuran Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020.

MPOB juga memaklumkan tindakan untuk mengurangkan kandungan GE dan 3MCPD dalam minyak sawit. Had maksima kandungan GE dalam minyak sawit ditetapkan oleh

pihak EU pada 1ppm.

Kerajaan menyediakan inisiatif melalui geran bernilai RM50 juta untuk kajian terhadap kualiti minyak sawit Malaysia. Kementerian Industri Utama (MPI) telah meluluskan 20 syarikat sawit yang akan mengambil bahagian dalam penguurangan 3MCPD yang akan bermula pada bulan September 2018.

MPOB menjelaskan kaedah terbaik untuk mengurangkan kandungan 3MCPD adalah dengan mengurangkan nilai kandungan klorin pada peringkat awal penapisan minyak sawit mentah dengan menggunakan teknologi sesuai bagi memastikan penerimaan minyak sawit di peringkat antarabangsa yang memnuhi spesifikasi.

Forum teknikal antara MPOB dan MPOA membuah hasil yang positif. Melalui perkongsian maklumat, perbincangan isu dan masalah dalam industri ini dapat dikenalpasti serta ditangani secara teratur dan disusuli dengan tindakan yang proaktif demi kesejahteraan industri sawit negara.

Cantas tingkat produktiviti penuaian sawit

➔ Produktiviti meningkat 30 peratus, kurangkan tenaga kerja

Oleh Mohd Rizal Ahmad, Mohd Ikmal Hafizi Azaman, Abdul Razak Jelani, Mohd Rizal Ahmad, Abd Rahim Shuib dan Azman Ismail

Mesin pemotong sawit bermotor yang juga dikenali sebagai Cantas diperkenalkan oleh MPOB sejak tahun 2007.

Cantas direka bentuk anak tempatan sepenuhnya dan ia dipatenkan di enam negara iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia,

Brazil, Columbia dan Costa Rica bagi melindungi harta intelek (IP) teknologi ini.

Sejak diperkenalkan beberapa kajian dijalankan terhadap prestasi Cantas di lapangan.

Secara puratanya Cantas mampu meningkatkan produktiviti tuaian dari 3.4 tan (sabit manual) kepada 6.75 tan sehari dan ianya secara tidak langsung mampu meningkatkan produktiviti seorang pekerja dari 1.7 tan (manual) kepada 2.2 tan buah tandan segar (BTS) sehari iaitu peningkatan kira-

kira 30 peratus berbanding penggunaan kaedah sabit manual.

Cantas juga terbukti dapat meningkatkan nisbah pekerja kepada tanah pada kadar kira-kira 50 peratus berbanding kaedah manual.

Sebagai perbandingan, satu kumpulan Cantas (3 orang: 1 penuai dan 2 pembantu) secara puratanya berupaya menuai kawasan seluas 10 hektar (ha) sehari (3.3 ha/orang/hari), manakala kumpulan penuai manual menggunakan sabit (2 orang: 1 penuai dan 1 pembantu)



Cantas Evo 2 mudah digunakan pekerja ladang.

hanya berupaya menuai kawasan seluas 4 ha sehari (2 ha/orang/hari).

Peningkatan ini secara langsung dapat meningkatkan pendapatan pekerja dan mengurangkan bilangan pekerja di sesuatu ladang yang ketika ini dimonopoli oleh pekerja asing.

Statistik terkini menunjukkan bahawa terdapat lebih 329,000 orang pekerja asing bekerja di ladang sawit iaitu kira-kira 83% dari jumlah pekerja di ladang sawit (MPOB, 2017).

Kedua-dua lebih membimbangkan dalam aktiviti penuaian kerana dianggarkan 90 peratus penuai adalah warga asing. Isu ini sangat kritikal dan perlu diberi perhatian serius. Selain itu, isu lain adalah kesukaran mendapatkan penuai mahir yang memerlukan jalan penyelesaian yang efektif.

Justeru itu, mekanisme perlu dilaksanakan agar masalah dapat diatasi. Mekanisasi bukan perkara asing dalam industri pertanian dan kaedah ini terbukti berkesan di negara barat kerana mekanisasi dapat meningkatkan produktiviti pekerja sekali gus mengurangkan keperluan tenaga pekerja secara signifikan.

Cantas Evo 2

Namun begitu, usaha penambahbaikan Cantas yang dijalankan sejak pertengahan tahun 2012 telah menghasilkan satu teknologi Cantas generasi baru atau dikenali sebagai Cantas Evo 2.

Teknologi Cantas Evo 2 memberi tumpuan kepada aspek ergonomik dan ketahanan mesin. Mengambil singkatan 'Evolution' yang membawa maksud anjakan atau transformasi reka bentuk baru.

Reka bentuk Cantas Evo 2 ditambahkan dengan menggunakan kotak gear yang dipasang berhampiran dengan operator bagi merendahkan pusat graviti mesin supaya ia dapat dikawal dengan lebih mudah berbanding kedudukan kotak gear di bahagian atas seperti versi Cantas terdahulu yang menyebabkan kesukaran pengendalian terutamanya bila menuai pokok tinggi.

Prototaip Cantas Evo 2 yang dibangunkan juga membabitkan kos penyelenggaraan dan operasi lebih rendah berbanding versi sebelum ini dimana bilangan komponen dikurangkan sebanyak 60 peratus. Berat keseluruhan Cantas Evo 2 adalah diantara 7 – 7.4 kg bergantung kepada ketinggian atau had capaian.

Berdasarkan ciri-ciri terkini yang ditawarkan, Cantas Evo 2 dengan kualiti dan ketahanan yang meyakinkan dijangka dapat menarik minat pengguna untuk menggunakan teknologi baharu



Pemetong sawit bermotor yang dipasang alat pengurang getaran memberi keselesaan kepada penegndali semasa menuai tandan sawit.

ini bagi tujuan meningkatkan pendapatan dan mengurangkan bilangan pekerja dalam sektor industri sawit.

Pada ketika ini Cantas Evo 2 telah menarik minat syarikat tempatan untuk memasarkannya.

Sementara itu, pada masa sama, MPOB turut menghasilkan alat bagi mengurangkan getaran untuk pemotong sawit bermotor atau Cantas.

Cantas menggunakan enjin petrol sebagai sumber kuasanya untuk memotong pelepah dan tandan sawit.

Ia sering mencetuskan kebimbangan kepada pengguna kerana getaran yang dihasilkan semasa digunakan.

Masalah yang sering dikaitkan dengan getaran telah mendorong inisiatif bagi menghasilkan alat pengurang getaran yang dapat mengurangkan tahap getaran mesin semasa menggunakannya.

Getaran terhasil daripada pergerakan enjin pemotong sawit bermotor dan juga komponen lain seperti shaft dan gear yang turut menyumbang dalam penghasilan getaran ini.

Getaran boleh dihantar ke tubuh manusia melalui bahagian yang bersentuhan dengan permukaan yang bergetar seperti pemegang dan galah.

Alat pengurang getaran ini terdiri daripada dua komponen asas iaitu spring dan sepasang galas/bearing.

Spring mempunyai sifat elastik yang berfungsi untuk mengasingkan getaran, manakala galas/bearing yang diletakkan pada kedua-dua hujung spring adalah berfungsi bagi menstabilkan getaran yang dikumpulkan.

Minimalkan kesan getaran

Secara teorinya, getaran yang dihasilkan oleh pemotong sawit bermotor akan dikumpulkan dan diasingkan oleh alat pengurang getaran.

Kajian yang dijalankan mendapati bahawa alat pengurang getaran ini mampu mengurangkan bacaan Hand-Arm Vibration Syndrome (HAVS) sehingga hampir 50 peratus.

Ini bermaksud ia dapat meminimalkan kesan getaran terhadap penuai semasa menggunakan mesin pemotong sawit bermotor.

Kelahiran alat pengurang getaran ini adalah ia mampu mengurangkan getaran HAVS yang terhasil terhadap penuai di antara 1.25 – 1.75 m/s².

Ia juga dapat membantu bagi mengurangkan risiko penuai mengalami syndrome HAV.

Alat pengurang getaran ini murah serta mampu milik.

Pengenalan teknologi ini dijangka dapat meningkatkan kadar pengambilan pemotong sawit bermotor kerana ia menawarkan pengurangan kadar getaran terhadap penuai yang merupakan pilihan utama bagi pengendalian yang selesa.

Alat pengurang getaran ini terbukti dapat mengurangkan magnitud getaran yang dihantar dari mesin pemotong sawit.

Hasil maklum balas yang diterima daripada penuai menyatakan kesan getaran yang rendah dapat memberikan keselesaan semasa memotong pelepah dan tandan sawit serta mampu meningkatkan produktiviti pekerja serta mengurangkan masalah Hand-Arm Vibration Syndrome (HAVS).

REGISTER NOW !

LAMP

Labour And Mechanisation in Plantation
SEMINAR
2018

16 -17 October 2018
Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh
Melaka

Theme:
Enhancing Mechanisation
and Labour Productivity in
Oil Palm Plantation

SEMENAR ENQUIRIES

General enquiries, please contact:
lamp@mpob.gov.my

- Nur Nadia Kamil
Tel : 03-7802 2877
- Mohd Rizal Ahmad
Tel : 03-8920 1504 ext. 151

Enquiries on registration, advertisement and logistics, please contact:

- Mohd Abidin Zakaria
(abidin@mpob.gov.my)
Tel : 03-8769 4567
- Nurul Aishah Musa
(nurul.aishah.musa@mpob.gov.my)
Tel : 03-8769 4568
Fax : 03-8925 7549/8926 1202

Enquiries on exhibition, please contact:

- Mohd Ikmal Hafizi Azaman
(ikmalhafizi@mpob.gov.my)
Tel : 03-8920 1504 ext. 144
- Mohd Ramdhan Khalid
(ramdhan@mpob.gov.my)
Tel : 03-8920 1504 ext. 135
- Muhammad Asyraf Hussin
(asyrafhussin@mpob.gov.my)
Tel : 03-8769 4556/8925 3293
Fax : 03-8926 4572

Malaysian Palm Oil Board
Ministry of Primary Industries, Malaysia
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpob.gov.my

Kursus hasil marjerin tarik peserta global

➔ Peserta Nigeria, Maghribi, Libya, Singapura dan Malaysia

Oleh Rafidah Abd Hamid
rafidah@mpob.gov.my

➔ Bangi

Kursus pembuatan marjerin yang memasuki siri kelapan berjaya menarik penyertaan peserta dari lima negara terdiri Nigeria, Maghribi, Libya, Singapura dan Malaysia.

Kursus anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) diadakan sejak tahun 2008 menarik minat peserta dari pelbagai negara seperti India, Iran, Pakistan, Turki, UAE, USA, Qatar, Saudi, Kenya, Ethiopia, Yemen dan Vietnam.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir ketika perasmian kursus berkata, pada tahun ini tumpuan penyertaan adalah dari syarikat luar negara seperti Lesieur Cristal dari Maghribi, Raffles Oil Lftz Enterprise dari Nigeria dan Givaudan Singapore Pte Ltd.

Penyertaan dari Malaysia adalah



Peserta mendengar penerangan latihan praktikal pembuatan marjerin berasaskan sawit.

dari syarikat seperti Lam Soon, Meawah Oleo, Cargill dan Auric Pacific.

Katanya, penganjuran kursus tersebut bertujuan meningkatkan penggunaan minyak sawit Malaysia dalam marjerin, lemak dan

vanaspati di seluruh dunia.

Beri tunjuk ajar

"Kursus ini memberi tunjuk ajar dan penerangan mengenai sifat semula jadi minyak sawit yang ver-

satil dalam pembuatan produk berkenaan selain untuk meningkatkan nilai eksport komoditi negara.

Katanya, pembuatan marjerin masih lagi dianggap teknologi tinggi disebabkan peralatan untuk

menghasilkan produk ini memerlukan pelaburan yang besar terutama bagi menghasilkan produk yang berkualiti tinggi.

Katanya, kursus yang merangkumi teori dan amali di makmal bagi menerangkan kefahaman kaedah penggunaan minyak sawit dalam pembuatan marjerin dan lemak tanpa melalui proses penghidrogenan.

"Kursus ini menyediakan peluang kepada peserta meningkatkan kemahiran menghasilkan formula menggunakan hasilan minyak sawit.

Katanya, pendedahan kepada beberapa pengeluaran marjerin di Turki, Iran, Yemen, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu memberi keyakinan dan mula menghasilkan marjerin tanpa penghidrogenan menggunakan minyak sawit.

Penggunaan minyak sawit akan menghasilkan marjerin yang sihat, kerana tidak mengandungi lemak trans, sekali gus meningkatkan pasaran minyak sawit ke negara berkenaan.

Ketua Unit Protin dan Teknologi Makanan MPOB, Dr. Miskandar Mat Sahri yang juga tenaga pengajar utama berkata, kursus ini menunjukkan bahawa penggunaan minyak sawit dalam proses formulasi dan pembuatan marjerin dan lemak menjadi mudah dan kompetitif. Peserta boleh menguji hasil formulasi marjerin dalam pembuatan kek, roti, pastri dan sapanu roti.

Murid SKJ3 Bangi didedah kajian pemakanan sawit

Oleh Nur Affifah Baharim
affifah@mpob.gov.my

Bangi: Lebih 100 warga Sekolah Kebangsaan Jalan Tiga (SKJ3) dan ibu bapa menyertai program Kajian Pemakanan Sekolah Rendah di sini, baru-baru ini.

Program anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) itu bertujuan mengenal pasti gejala obesiti di kalangan pelajar menerusi kajian pola pemakanan mereka.

Guru Besar SKJ3, Rozita Ahmad berkata, program itu berjaya memberi kesedaran berhubung khasiat pemakanan seimbang dengan lebih terperinci, khususnya mengenai minyak sawit kepada warga sekolah dan ibu bapa.

"Selama ini memang minyak sawit digunakan dalam kehidupan

sehari-hari, tetapi tidak ramai yang sedar mengenai kebaikannya.

"Kami juga tidak sangka banyak kegunaan lain pokok sawit yang boleh dimanfaatkan selain dijadikan minyak sawit, antaranya bahan kosmetik, produk pencuci dan perhiasan rumah serta komponen kenderaan," katanya yang ditemui pada program berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Sambutan menggalakkan

Program berkenaan menerima sambutan menggalakkan dari SKJ3, dengan pelajar dan ibu bapa bertanyakan pelbagai soalan mengenai khasiat minyak sawit.

Program Kajian Pemakanan Sekolah Rendah ini diadakan di sekolah-sekolah rendah di sekitar negeri Selangor dan hasil kajian akan



Pelajar dan ibu bapa yang terlibat dalam program kajian pemakanan

digunakan bagi menepis ancaman dan tohmahan negatif berkaitan nutrisi minyak sawit.

Program ini turut diadakan bagi mengkaji laporan yang mengatakan 20 peratus pelajar sekolah rendah khususnya negeri Selangor mempunyai masalah obesiti yang menyumbang kepada penyakit jantung, kencing manis dan ma-

salah pencernaan.

MPOB memandang serius isu ini dan berharap melalui pelaksanaan program ini, sedikit sebanyak dapat membantu mendidik ibu bapa serta warga sekolah dan secara langsung membantu mengurangkan masalah obesiti dalam kalangan pelajar.

Selain sesi taklimat, MPOB turut

menyediakan pameran berkaitan produk sawit serta proses penghasilan minyak sawit.

Antara aktiviti yang diadakan semasa program termasuk pertandingan mewarna bagi menyalurkan maklumat berkaitan minyak sawit secara tidak langsung kepada pelajar sekolah disamping melatih kemahiran motor (motor skills) pelajar.

INSTIPER selami penyelidikan sawit MPOB

➔ Fokus lawatan terhadap penyelidikan biak baka, integrasi sawit

Oleh **Dr Laziana Ahmad**
laziana@mpob.gov.my

✦ **Bangi**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan daripada Institut Pertanian Stiper (INSTIPER) Yogyakarta, Indonesia baru-baru ini. Lawatan akademik pertama

yang disertai 65 delegasi diketuai oleh Cancellor INSTIPER, Dr Ir Purwadi MS, Naib Cancellor Hal-Ehwal Akademik INSTIPER, Dr Harsawardhana dan pensyarah institusi berkenaan.

Lawatan tersebut bertujuan mendapatkan pendedahan mengenai peranan MPOB dalam memajukan industri minyak sawit Malaysia dan pencapaian dalam bidang penyelidikan.

Pelbagai isu berkaitan industri sawit dibincangkan, termasuk penyelidikan biak baka sawit dan integrasi tanaman serta ternakan dalam ladang sawit.

Dalam lawatan itu, delegasi turut dibawa melawat Galeri Sawit untuk sesi penerangan secara praktikal tentang sektor hulu dan hiliran industri sawit Malaysia.



Pelawat daripada Institut Pertanian Stiper Yogyakarta bergambar kenangan di Ibu Pejabat MPOB.

Pelajar University of Wisconsin-Milwaukee pelajari aspek sawit

Oleh **Siti Nurhajar**
Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: MPOB baru-baru ini menerima lawatan pelajar University of Wisconsin-Milwaukee, Amerika Syarikat di Ibu Pejabat, Bangi.

Lawatan akademik tersebut disertai 17 pelajar bersama tiga pensyarah sempena lawatan akademik dalam sesi Summer Camp anjuran universiti tersebut.

Lawatan yang diatur oleh Pejabat MPOB di Washington DC itu disambut oleh Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri, Balu Nambiappan di pekarangan MPOB.

Lawatan tersebut bertujuan mendapat pendedahan berkenaan peranan MPOB sebagai penggerak industri sawit, dan sumbangan industri dalam membangun dan merencanakan ekonomi negara.

Rata-rata pelajar teruja mengutarakan pelbagai isu yang berkaitan dengan cabaran dalam industri sawit di Malaysia. Antara isu yang menjadi tumpuan adalah isu pembukaan hutan ekoran aktiviti industri yang memberikan gambaran yang buruk berkenaan industri sawit dan penglibatan teknologi yang dibangunkan MPOB dalam memenuhi kehendak industri.



Pelajar melawat Galeri Sawit ketika kunjungan ke ibu pejabat MPOB di Bangi.

Dianggarkan hampir 80 peratus populasi dunia pada masa ini menggunakan hasil sawit dalam kehidupan seharian mereka. Malaysia merupakan antara negara terbesar yang mengeksport sawit iaitu sekitar 29 peratus daripada keluaran sawit dunia dan menyumbang 33 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit dunia.

Pelbagai cabaran ditempuh Bagaimanapun untuk mengekalkan industri sawit sentiasa berkembang, pelbagai cabaran perlu dihadapi. Cabaran itu daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu sehingga kepada tindakan sabotaj dan kempen antiminyak sawit di peringkat antarabangsa.

Menurut N. Balu, persaingan sengit dengan pengeluaran produk lemak sayuran di peringkat global amat mencabar industri sawit negara. Jelasnya, pelbagai persepsi buruk dan usaha untuk menjatuhkan industri sawit terus dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pelbagai paradoks dan kempen digembar-gemburkan mereka yang tidak menyukai minyak sawit yang nyata lebih kompetitif berbanding minyak sayuran lain. Antara yang sering diperkatakan adalah aktiviti perladangan sawit di negara ini merupakan punca kepada kemusnahan hutan, kehilangan habitat bagi orang utan dan pelbagai lagi," katanya.

Daftar SEGERA

Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2018

Budi Disemai Bakti Dituai

4 – 6 September 2018
Hotel Promenade
Kota Kinabalu, Sabah

Pertanyaan Lanjut:
Khairuman Hashim / Dr. Zaki Aman
03-8769 4551/ 4487
atau e-mel
pkpks@mpob.gov.my
Daftar secara Online melalui laman web kami:
www.mpob.gov.my



Halangan terbaru terhadap eksport minyak sawit ke Kesatuan Eropah?



Suruhanjaya Eropah (EC) sedang mengkaji kaedah terbaru untuk mengenal pasti jenis-jenis bahan bakar bio, biojisim dan bio-cecair yang memberi risiko perubahan iklim yang tertinggi berdasarkan Simpanan Berkarbon Tinggi (High Carbon Stock, HCS) dan Perubahan Penggunaan Tanah Secara Tidak Langsung (Indirect Land Use Change, ILUC).

Ini berikutan kebimbangan terhadap kesan daripada permintaan ke atas bahan bakar bio yang akan mendorong kepada penebangan hutan yang kaya dengan simpanan karbon secara besar-besaran untuk dijadikan ladang-ladang tanaman.

Penebangan hutan juga akan menyebabkan pengeluaran gas rumah hijau (GHG) terus meningkat.

Kaedah terbaru ini akan diperkenalkan pada 2019 dan ia akan dijadikan panduan dalam menentukan bagaimana penggunaan bahan bakar bio yang dikenal pasti sebagai 'berisiko tinggi' boleh dikurangkan atau dihentikan terus.

Tindakan pengurangan dan penyenaian hitam ini dijangka akan bermula pada tahun 2030. Walau bagaimanapun, import bahan bakar bio 'berisiko tinggi' berkemungkinan besar akan mula dibekukan pada 2019.

Perkara ini telah disahkan oleh Duta Besar Perancis ke Malaysia, Frédéric Laplanche, dalam satu artikel terbitan The Edge Financial Daily pada 23 Julai yang lalu.

Tiada diskriminasi

Beliau dipetik berkata, pertama, tiada diskriminasi (terhadap minyak sawit). Tetapi, pada tahun-tahun mendatang beberapa kriteria baru akan diperkenalkan untuk membezakan biodiesel yang memberi kesan positif kepada perubahan iklim dengan bahan-bahan bakar tradisional yang memberi kesan negatif.

Beliau menambah, kita perlu berganding bahu dalam menangani masalah ini. Apa yang perlu kita lakukan dalam tempoh peralihan ini ialah berbincang dengan negara-negara pengeluar bahan bakar bio dan mengkaji apa yang boleh kita lakukan.

Organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di

Brussels, Pengangkutan & Alam Sekitar, telah mula mendesak kerajaan Kesatuan Eropah supaya mengguna pakai ILUC/HCS ke atas minyak sawit. Salah seorang pegawai Bahan Bakar Bionya, Cristina Mestre, berkata undang-undang ini secara jelas mengesyorkan agar Kesatuan Eropah memperkenalkan satu kaedah yang mantap untuk membendung bahan bakar bio yang mempunyai risiko ILUC dan HCS.

"Di antara bahan-bahan bakar bio ini ialah bahan bakar bio yang diperbuat daripada minyak sawit dan kacang soya. Kesatuan Eropah mesti memenuhi janjinya sebelum tarikh akhir pada Februari tahun depan, iaitu kira-kira dua bulan sebelum tarikh pemilihan Kesatuan Eropah", katanya.

Komen daripada Frédéric Laplanche dan Cristina Mestre ini membayangkan tugas berat yang perlu dipikul oleh negara-negara pengeluar minyak sawit pada masa depan.

Tindakan berjaga-jaga

Dalam menangani isu ini, tindakan berjaga-berjaga dari awal adalah sangat penting demi memastikan minyak sawit tidak disenaraikan sebagai bahan bakar bio 'berisiko tinggi'.

Selain menyediakan jaringan keselamatan makanan dunia, minyak sawit juga digunakan secara meluas dalam sektor bukan makanan dan sebagai bahan mentah pilihan untuk sektor tenaga yang boleh diperbaharui.


Menafikan hak minyak sawit dari Malaysia berdasarkan andaian ia memberi penjimatan GHG yang rendah atau negatif bukanlah sesuatu yang meyakinkan.

Kajian oleh Institut Sumber Dunia (World Resource Institute) mendedahkan pelepasan GHG negatif dalam Perubahan Penggunaan Tanah dan Perhutanan (Land Use Change & Forestry, LUCF) oleh Malaysia pada 2014 ialah kira-kira 129 juta tan karbon dioksida.

Ini menunjukkan dasar LUCF di Malaysia berfungsi sebagai 'penyerap mega' gas karbon dioksida. Malah, menurut Bank Dunia melalui kajiannya mengenai Penunjuk-Penunjuk Pembangunan Dunia, kawasan berhutan di Malaysia telah meningkat daripada 65.7% kepada 67.6% daripada keluasan keseluruhan tanahnya dari 2000 - 2015.

Pakar ekonomi dan kolumnis akhbar, Martin Khor, dalam artikelnya yang bertajuk, 'Kesan baik dan buruk akibat peperangan perdagangan' yang diterbitkan oleh akhbar The Star pada bulan Julai lalu, mendedahkan bahawa banyak negara maju telah membelanjakan ratusan bilion dolar untuk membayar subsidi dan mengekalkan tarif yang tinggi demi

Nilai Keseluruhan Eksport Kesatuan Eropah ke Indonesia, Malaysia dan Thailand pada 2017 (EUR 39.5 bilion)



Sumber: Copenhagen Economics (2018)

memastikan hasil produk-produk pertanian para petani mereka dapat dijual.

Perkenal tarif lebih rendah

Beliau dipetik berkata, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah juga membanjiri pasaran dunia dengan barangan pertanian mereka yang 'dimurahkan' sambil mendesak negara-negara membangun dan miskin agar membuka pasaran tempatan mereka melalui pengenalan tarif yang lebih rendah untuk produk pertanian dan perindustrian. Amalan hipokrit sebegini yang menjadi punca ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam sistem perdagangan dunia sekarang.

Di samping itu, beberapa kemungkinan peperangan perdagangan juga telah timbul semenjak beberapa bulan yang lalu. Ini berikutan tindakan yang telah diambil oleh beberapa negara yang menggunakan tarif untuk melindungi ekonomi mereka.

Alasan yang paling biasa digunakan ialah peningkatan persaingan daripada produk-produk import yang biasanya dihasilkan dengan kos pengeluaran yang lebih rendah akan menjejaskan keuntungan daripada jualan produk-produk tempatan.

Sebagai contoh, minyak sawit telah mendorong negara-negara tertentu mengambil langkah-langkah perlindungan kerana ia dihasilkan dengan kos yang jauh lebih kompetitif (rendah) berbanding minyak sayuran dan lemak pesaing yang lain.

Perancis, Belgium, Switzerland, Norway dan Itali pernah mencuba untuk mengenakan sekatan ke atas import minyak sawit mereka dan percubaan sebegini dijangka akan berterusan.

Kadang-kala, larangan atau halangan perdagangan sengaja dike-

nakan sebagai satu strategi tindak balas (retaliatory measure) apabila rakan dagangan melanggar peraturan umum tertentu, atau apabila pihak kerajaan merasa perlu untuk melindungi penduduknya dari sesuatu produk yang boleh mengancam kesihatan.

Walaupun alasannya, peperangan perdagangan hanya akan merugikan semua pihak yang terlibat. Yang pasti, para pengguna akan menanggung kesannya.

Mereka akan dinafikan faedah daripada perdagangan bebas, iaitu hak untuk mereka membuat pilihan ke atas pelbagai jenis produk pada harga yang jauh lebih rendah.

Perdagangan dua hala

Industri minyak sawit merupakan tonggak pembangunan sosio-ekonomi di negara-negara pengeluar seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand. Ia menyediakan jutaan peluang pekerjaan, mewujudkan pelbagai aktiviti ekonomi sampingan serta menjana tukaran asing yang tinggi.

Di Malaysia, 40 peratus daripada jumlah kawasan penanaman sawit diusahakan oleh kira-kira 650,000 petani kecil. Manakala, 60 peratus daripada jumlah kawasan penanaman sawit di Indonesia diusahakan oleh jutaan pekebun kecil.

Sementara itu, industri pertanian di Thailand menampung ribuan komuniti pertanian yang kecil. Sekiranya perdagangan minyak sawit terhalang sama ada melalui sekatan, pencukaian baru atau halangan bukan tarif yang lain; petani kecil ini yang akan terjejas teruk.

Oleh itu, adalah wajar bagi negara-negara pengeluar ini bertindak berdasarkan kelebihan masing-masing untuk menangkis ancaman sebegini.

Langkah-langkah diskriminasi yang diambil oleh Kesatuan Eropah, sebagai contoh, boleh menjejaskan perdagangan dua hala dan memberi musibah kepada negara-negara anggotanya. Dalam satu laporannya, Copenhagen Economics menyatakan bahawa aktiviti perdagangan Kesatuan Eropah dengan Indonesia, Malaysia dan Thailand pada 2017 telah menjana kira-kira 354,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan bernilai EUR (€) 39.5 bilion.

Tumpu produk lima sektor

75 peratus daripada nilai ini tertumpu kepada produk-produk keluaran lima sektor utama iaitu jentera & peralatan elektrik (EUR 14.1 bilion), peralatan kelengkapan pengangkutan (EUR 6.7 bilion), bahan kimia & farmaseutikal (EUR 5 bilion), alatan pengukur (EUR 2.6 bilion) dan bahan-bahan logam (EUR 1.8 bilion).

Di antara negara-negara anggota, Jerman, Perancis dan United Kingdom (UK) merupakan tiga negara pengeksport terbesar.

Jerman sahaja mengeksport barangan bernilai EUR 12.4 bilion atau kira-kira 30 peratus daripada nilai eksport Kesatuan Eropah ke Indonesia, Malaysia dan Thailand; diikuti dengan Perancis (EUR 6.1 bilion) dan UK (EUR 3.8 bilion).

Sementara itu, Itali dan Belanda masing-masing menduduki tempat keempat dan kelima dengan masing-masing menyumbang sebanyak EUR 3.8 bilion dan EUR 3.6 bilion.

(Artikel ini telah disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal yang bertajuk, *Another EU Hurdle for Palm Oil Imports?*. Sila layari laman sesawang www.palmoiltoday.net untuk mendapatkan salinan asal artikel ini).

Teknologi penting ke arah kemajuan industri sawit

Industri sawit merupakan salah satu industri yang menjadi penyumbang utama kepada sektor ekonomi Malaysia.

Menurut mantan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, beliau menegaskan bahawa industri sawit adalah sektor yang penting dan merupakan salah satu tulang belakang ekonomi Malaysia berikutan sumbangan besarnya kepada pendapatan eksport negara.

Di Malaysia, industri minyak sawit dikelola oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang bertanggungjawab untuk mempromosikan dan membangunkan sektor minyak sawit di negara ini.

Namun begitu, adalah amat penting untuk kita menyedari bahawa inovasi moden atau dalam erti kata lain, teknologi masa kini dapat meningkatkan daya saing serta kemajuan industri sawit di Malaysia.

Bagi memperkasakan industri sawit di Malaysia, pelbagai usaha perlu dijalankan bagi merealisasikan impian tersebut. Penggunaan teknologi baharu dan moden juga dapat meningkatkan penghasilan industri sawit.

Antara teknologi yang disuntik oleh kerajaan dalam industri sawit termasuk teknik pensterilan minyak yang diekstrak daripada buah kelapa sawit.

Kajian yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati bahawa teknologi pemanasan basah yang diikuti dengan pengekstrakan menggunakan pelarut akan menghasilkan peratusan minyak paling tinggi selain kualiti minyak yang lebih baik daripada pemanasan kering dan konvensional.

Selain itu, teknologi pembuangan benda asing juga merupakan salah satu proses yang menjurus



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Adlina Nadia Ahmad Ridzuan
SMKA Al Irshad,
Pokok Sena, Pulau Pinang

ke arah industri sawit Malaysia. Teknologi ini menggunakan proses pemisahan dua peringkat bagi pengasingan benda asing bersama buah lerai daripada tandan kosong.

Disamping itu, teknologi Pensterilan dan Automasi Keseluruhan Kilang adalah teknologi pengilangan holistik yang membolehkan operasi dijalankan berterusan melalui kawalan komputer dan menggunakan keperluan tenaga kerja yang minimum.

Kesimpulannya, perkembangan teknologi yang melibatkan industri sawit di Malaysia memberikan kesan yang amat positif kepada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

Sesungguhnya, industri sawit merupakan salah satu tunjang kepada ekonomi Malaysia. Justeru itu, sains dan teknologi amat perlu digunakan bagi membantu sektor pertanian terutamanya industri sawit untuk menghasilkan kualiti tanaman yang lebih baik.

Inovasi moden tingkat daya saing industri sawit

Pada era globalisasi ini, teknologi dan inovasi sememangnya tidak dapat dipisahkan. Adanya inovasi sebagai pemangkin bagi teknologi yang sedia ada. Apakah maksud inovasi? Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat inovasi ialah sesuatu yg baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adas, dan lain-lain yang baru serta perihai tindakan mengadakan, memulakan sesuatu yang baru.

Industri sawit telah bermula di Malaysia pada tahun 1917 dan mengalami tahap perkembangan sehingga hari ini.

Industri sawit terletak di bawah seliaan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). MPOB diwujudkan pada 1 Mei 2000. Apabila wujudnya lembaga khusus yang mengawal selia industri sawit, wujudlah pelbagai inovasi moden dalam industri sawit.

Inovasi moden memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan daya saing industri sawit. Antara inovasi moden dalam industri sawit adalah E-Cutter, Oil Palm Harvester with Anti-Bruising Collection, teh sawit dan makanan haiwan berasaskan sawit.

Dari segi perladangan, inovasi yang diperkenalkan adalah E-Cutter. E-Cutter merupakan mesin pencantas elektrik khas untuk menuai buah serta pelepah kelapa sawit. Inovasi ini hasil daripada pensyarah kanan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Norhisam Misron bersama Pegawai Penyelidik Prinsipal, Unit Mekanisasi Ladang, Jabatan Biologi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Abdul Razak Jelani.

Kelebihan inovasi ini adalah ringan, kecil, mudah alih namun berkuasa tinggi untuk digunakan oleh peladang. Inovasi ini adalah penambahbaikan kepada teknologi Cantas yang pernah



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Nor Fariah Hassan
Bukit Mertajam,
Pulau Pinang

diperkenalkan dahulu dengan menggantikan konsep mekanikal kepada elektrik yang lebih ekonomik dan mesra alam. Inovasi ini dapat mempercepatkan proses penuaian kelapa sawit sekali gus meningkatkan hasil tuaian.

Inovasi lain ialah mesin penuai yang dikenali sebagai Oil Palm Harvester with Anti-bruising Collection System yang dihasilkan oleh MIH. Menurut artikel Utusan Online pada 7 Mac 2016, MIH yang merupakan rakan industri UPM adalah sebuah jentera yang berbentuk kren kecil, padat dan mudah alih bagi membantu memudahkan peladang memetik buah kelapa sawit yang tinggi.

Jentera yang berupa kren tersebut membolehkan pekerja ladang naik separas dengan pokok kelapa dan menuai buahnya dengan lebih mudah. Keadaan tersebut juga membolehkan pokok kelapa sawit tua disimpan sehingga lima tahun untuk pengeluaran buah kelapa sawit. Boleh dioperasikan dengan hanya seorang operator, jente-

ra tersebut boleh mengangkat pekerja ladang agar berada lebih tinggi dengan buah bagi memudahkan mereka memilih buah yang terbaik untuk dituai.

Jentera itu juga dilengkapi dengan sistem pengumpulan yang dapat mengurangkan kesan lebam pada buah kelapa sawit yang sering mengurangkan kualiti minyak yang terhasil.

Dari segi minuman, inovasi yang telah dijalankan ialah menghasilkan teh sawit. Memetik sumber daripada BH Plus pada 31 Mei 2016, batang kelapa sawit sebenarnya kaya serat pemakanan atau lignin yang memberikan manfaat untuk kesihatan. Serat lignin di dalam batang sawit yang dikisar halus seperti serbuk teh, baik untuk mengikat kolesterol, garam hempedu, lemak, karbohidrat dan toksin serta membantu mengurangkan risiko kepada agen jangkitan dan penyakit barah.

Bagaimanapun, hanya batang sawit yang mencapai usia matang mengandungi banyak lignin, iaitu serat yang sangat bernilai dan diproses untuk dijadikan teh. Khasiat itu ditemui oleh Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Bioproses dan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Prof Dr Ida Idayu Muhammad.

Menurut beliau, serat boleh larut yang terdapat di dalam batang kelapa sawit akan memudahkan proses pembuangan air besar. Kesannya, paras kolesterol dalam jangkamasa panjang, masalah penyakit berkaitan darah tinggi seperti serangan jantung, strok dan kerosakan buah pinggang dapat dikurangkan selain mengurangkan obesiti. Kandungan serat larut yang tinggi juga membuatkan peminum teh ini berasa kenyang dalam tempoh lebih lama.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN SEPTEMBER 2018

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: 'Minyak sawit mampan akan meningkatkan penerimaannya di pasaran antara bangsa. Bincangkan'.

Kategori 2: Awam
Tajuk: 'Pemain industri sawit memainkan peranan penting memastikan pengeluaran minyak sawit mampan. Bincangkan'.

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 © Hadiah Pertama: **RM250**
 © Hadiah Kedua: **RM200**
 © Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita Sawit* keluaran bulan OKTOBER 2018 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2018

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Adlina Nadia Ahmad Ridzuan SMKA Al Irshad Pokok Sena, Pulau Pinang

Hadiah Kedua
Tiada Pemenang

Hadiah Ketiga
Tiada Pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Nor Fariah Hassan Bukit Mertajam Pulau Pinang

Hadiah Kedua
Tiada Pemenang

Hadiah Ketiga
Tiada Pemenang

Syarat Penyertaan

- © **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- © **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- © Bukan kakitangan MPOB
- © Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- © Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- © Keputusan juri adalah muktamad
- © Tarikh tutup ialah pada 24 September 2018.
- © Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
- © Email: watie@mpob.gov.my



Menteri Industri Utama, Teresa Kok mengunjungi Galeri Sawit ketika kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi. Lawatan turut disertai Timbalan Menteri Industri Utama, Shamsul Iskandar Md Akin dan diiringi oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.



Teresa Kok mempengerusikan taklimat berkaitan sektor komoditi negara kepada Ahli Kelab Penyokong di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.



Teresa Kok, Shamsul Iskandar Md Akin, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), Datuk Zurinah Pawanteh, warga MPI dan agensi mengibarkan Jalur Gemilang sempena Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat MPI yang dilancarkan baru-baru ini di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.



Shamsul Iskandar Md Akin ketika menerima kunjungan hormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri Ghana, Robert Ahomka-Lendsay (dua dari kiri) serta Duta Ghana ke Malaysia, Akua Sekyiwa Ahenkora di Putrajaya. Perbincangan turut disertai Pengerusi MPOB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh (lima dari kiri).



Shamsul Iskandar Md Akin melawat pameran MPOB sempena program Sayangi Komoditi yang diadakan di Sekolah Menengah Selancar, Rompin, Pahang.